

12/03/1997

Tangani gejala sosial dengan bijak: PM (HL)

Kamal Ahmad; Izman Ismail; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak memahami masalah sosial yang dihadapi sekarang dengan mendalam dan bertindak mengatasinya secara bijak, rasional dan bersepadu.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pemimpin sama ada dari kerajaan, parti politik dan pertubuhan sukarela, jangan terlalu ghairah membuat pelbagai kenyataan mengenai program mereka tanpa memikirkan kewajaran dan kesannya.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, idea dan pandangan ahli akademik di pusat pengajian tinggi harus diambil kira dalam isu ini supaya tindakan yang dilakukan tidak memburukkan lagi keadaan atau menimbulkan masalah lain.

Menurutnya, banyak pihak mengambil tindakan tergesa-gesa dan terlalu emosi mengikut budi bicara sendiri untuk membanteras gejala itu. Malangnya ia tidak berkesan kerana mereka tidak faham apa sebenarnya berlaku.

"Keadaan itu bukan saja menyebabkan tindakan tidak berkesan malah merugikan semua pihak dan kita menjadi bahan ketawa pihak tertentu. Saya berharap pemimpin Barisan Nasional (BN) terutama yang ada dalam kerajaan jangan tergesa-gesa membuat tindakan tanpa membuat kajian mendalam.

"Jika kita mengambil tindakan yang tidak berkesan, kita akan rugi dan masalah tidak akan hilang. Sebab itu dengan fikiran waras kita tumpukan kepada masalah sosial ini supaya kita dapat sedikit sebanyak mengatasinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Taklimat Perdana Mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Masalah Gejala Sosial kepada semua ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri BN di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Taklimat lebih dua jam itu membabitkan semua ketua dan wakil rakyat 14 parti komponen BN.

Dr Mahathir, yang mengakui tidak ada masyarakat di dunia yang bebas daripada masalah sosial, percaya soal itu boleh ditangani tanpa terlalu emosional, tergesa-gesa dan menggunakan budi bicara sendiri sahaja.

"Kita boleh panggil akademik di menara gading walaupun mereka agak terpisah dengan masyarakat. Kita lebih rapat dengan masyarakat kerana kita ahli politik tetapi kita masih perlu pendapat mereka supaya tidak membuat sesuatu yang bukan menolong kita, sebaliknya menambah lagi masalah atau menggantikan sesuatu masalah dengan masalah lain," katanya.

Menurutnya, antara kekeliruan kefahaman dan percanggahan pendirian ialah mengenai penutupan pusat hiburan yang dikatakan sebagai punca utama gejala sosial.

"Kita perlu faham dan mesti mempunyai pendirian yang sama. Tak guna kalau orang ini kata tutup pusat hiburan tetapi orang itu kata buka pusat hiburan. Betul atau tidak betul pusat hiburan salah, kita perlu kaji.

"Kita perlu ambil tindakan yang sama. Kalau tidak, kita ambil tindakan yang tidak memberi manfaat dan tidak mampu mengatasi masalah ini," katanya.

Sejak isu gejala sosial khususnya di kalangan remaja Melayu timbul ekoran beberapa peristiwa membabitkan pelajar sekolah bulan lalu, pelbagai pihak membuat kenyataan.

Paling terbaru ialah saranan Pergerakan Pemuda Umno supaya orang Melayu dilarang mengunjungi pusat hiburan sebagai langkah awal membanteras gejala

sosial yang kian meruncing.

Perdana Menteri mencadangkan supaya program bersepadu digariskan segera dengan mengambil kira pendapat semua pihak termasuk parti dan kerajaan negeri.

Budaya dan tamadun serta ketahanan dalam diri berasaskan ajaran agama dan nilai murni juga perlu dipupuk untuk menolak serangan gejala itu.

Ajaran agama perlu diamalkan kehidupan keluarga dan masyarakat selain memberi penekanan kepada isu tertentu seperti penyalahgunaan dadah yang amat kritikal di kalangan Melayu.

(END)